- d. Obstructing other Employees from work and/or performing their work.
- e. Participation in illegal and/or unauthorized gatherings within the Group's premises.
- f. Removing or altering any matter on bulletin or notice boards without the permission of the Group.

- g. Removing from the company premises, any of the Group's properties without prior approval.
- h. Tampering, defacing or damaging the Group's properties.
- i. Entering into a prohibited area without prior approval from the Group.
- j. Unreasonable refusal to carry out overtime work as required by the Group.
- k. Deliberate bypassing of the Group's usual channel of communication.
- l. Challenging the Group to dismissal.

4.9.4 Acts of Violence, Inappropriate Behaviours and Criminal Offences

- a. Rioting or participating in disorderly behaviour within the Group's premises or within its vicinity at any time.
- b. Fighting within the Group's premises or within its vicinity at any time.
- c. Harassing another Employee, including stalking another Employee.
- d. Serious pecuniary indebtedness such as incurring excessive debt with the Group, other Employees and/or outsiders.
- e. Using insulting, demeaning and/or vulgar words or gestures against another Employee or outsiders, within the Group's premises or its vicinity at any time.
- f. Defaming, degrading, discrediting or dishonouring the Group and/or any of its Employees.
- g. Spreading of malicious rumours about the Group and/or any of its Employees.
- h. Any form of violence, abuse, assault (including threatening to assault or injure) against another Employee and/or outsiders.
- i. Possession of unauthorized firearms or other dangerous weapons within the Group's premises.
- j. Committing any indecent and/or immoral act on the Group's premises.
- k. Criminal conduct or the Employee's failure to report to the Group his criminal conduct, that would adversely affect the Employee's work performance or cause major discredit or embarrassment to the Group.
- l. Conviction and imprisonment for any criminal offence.
- m. Money laundering.

- n. Pimping whether acting as an agent for prostitution or being engaged in any form of vice.
- o. Involved in or aid any activity where the relevant authorities require the Employee to be placed under any legal order of restricted residence or banishment.
- p. Any other acts that could cause fear, stress and distress to other Employees.
- q. Any other acts that could bring disrepute or embarrassment to the Group.

4.9.5 Alcohol, Drug and Gambling

- a. Possession or abuse of illicit and/or unauthorized drugs or narcotics.
- b. Drinking of alcoholic beverages within the Group's premises and/or during working hours.
- c. Being intoxicated or under the influence of alcohol and/or drugs during working hours, within the Group's premises and/or while on the Group's business.
- d. Drug addiction.
- e. Drug pushing.
- f. Gambling of any form, including making or taking bets, card playing, whether for money or otherwise, within the Group's premises at any time.
- g. Online gambling using the Group's computer and/or on the Group's premises at any time.

4.9.6 Appearance

- a. Failure to adhere to the Company's dress or grooming guidelines, whether expressed or implied.
- b. Failure or refusal to wear uniform as required.
- c. Defacing or making unauthorized alterations to the Group's uniform.

4.9.7 Business Conduct

- a. Organizing, holding or participating in any meeting on matters not related to the Group's business and/or not related to the Employee's work, within the Group's premises without prior approval from the Group.
- b. Distributing or displaying any unauthorized notices or literature on the Group's premises without prior approval from the Group.

- c. Participating in unauthorized financial transaction and/or private trading within the Group's premises.
- d. Abuse of position for personal gains.
- e. Abuse and/or unauthorized use of the Group's assets and properties.
- f. Failure to pay monies owed to the Group.
- g. Making unauthorized public statements regarding the affairs of the Group.
- h. Unauthorized liaison with the press about the Group.
- i. Unauthorized access to the Group's confidential data and information.
- j. Allowing unauthorized parties, access to the Group's confidential data and information.
- k. Disclosing the Group's secrets, designs or any other confidential information.
- l. Publishing or spreading any kind of pictures, caricatures, write-ups, comments, articles, books, blogs and/or any form of visuals or materials that may tarnish, embarrass, or causes disrepute to individuals, departments and/or the Group in social network sites, blogs and/or other form of medium, printed or electronic.
- m. Non-compliance of the Code and/or other similar codes and/or regulations.

4.9.8 Conflict of Interest

- a. Soliciting, accepting, offering, promising and/or giving of cash, gifts or favours from or to the Group's contractors, suppliers, dealers, bankers and customers.
- b. Allowing family members to solicit, accept, offer, promise and/or give cash, gifts and favours from or to the Group's contractors, suppliers, dealers, bankers and customers.
- c. Accepting and/or paying commissions as part of any payment arising from a commercial transaction other than those legally entitled to.

4.9.9 Lateness, Absenteeism and Attendance

- a. Habitually late for work.
- b. Absence without leave/obtaining prior approval from the Group and/or without valid reason.

- c. Absence from the workplace during working hours and/or leaving the workplace before the end of working hours for unofficial reasons, without obtaining prior approval from the Group.
- d. Exceeding the time limit granted for lunch break or any other breaks granted by the Group.
- e. Malingering and loitering during working hours.
- f. Failure or refusal to record attendance time (time in, time out and any movements in between, where applicable).
- g. Unauthorized use or abuse of ID/access cards, time attendance cards (or any other form of attendance records used by the Group), including punching another Employee's time card or recording the attendance of another Employee.

49.10 Safety and Health

- a. Failure or refusal to obey and comply with safety and health rules and work regulations.
- b. Tampering with the Group's safety device, equipment etc.
- c. Failure or refusal to wear or use safety equipment provided by the Group.
- d. Failure to take care of tools, equipment, facilities etc. entrusted to the Employee.
- e. Failure to immediately report to his superior and/or any other authorized personnel any defect in any equipment connected with the Employee's work which has come to his knowledge.
- f. Smoking in restricted/prohibited area.
- g. Refusal or failure to submit to medical treatment provided by the Group for addiction of any kind and/or for any form of illness or injury.
- h. Refusal, failure or deliberate delay in reporting serious infection or contagious illness/disease to the Group.

49.11 Sexual/Gender/Race/Religion Related Offences

- a. Showing insensitivity, intolerance and disrespect towards others, including the opposite gender, other races and/or the religious requirements of others.
- b. Sexual assault against another Employee and/or outsiders.

- c. All forms of sexual harassment (verbal, non-verbal, visual, psychological and physical) against another Employee and/or outsiders.
- d. Sending or distributing sexual-related materials (such as pornographic materials, lewd messages etc.).
- e. Keeping or viewing pornographic materials on the Group's premises (such as pictures, videos, website etc.).
- f. Making derogatory comments based on gender, racial or religious characteristics.
- g. Making offensive or inappropriate name calling, slurs or jokes.

49.12 Work Performance

- a. Repeated or flagrant acts of inefficiency, incompetence or negligence in the performance of duties.
- b. Failure or refusal to comply with standard work procedures.
- c. Repeated failure to meet established standard of production and/or output.

49.13 Others

- a. Sleeping on duty.
- b. Unnecessary wastage of the Group's materials and resources.
- c. Allowing unauthorized persons to enter into prohibited/restricted area without obtaining prior approval from the Group.
- d. Engaging in unproductive and/or non-business activities during office hours.
- e. Making or receiving excessive personal telephone calls using the Group's telephone and/own mobile phones on the Group's time.
- f. Abusing another Employee's key and/or ID/pass card or permitting others to use his key and ID/pass card to enter the Group premises.
- g. Stopping work before the end of official working hours.
- h. Inciting or aiding another Employee to commit any acts of misconduct including those as listed herewith.
- i. Failure to immediately declare to Human Resource of bankruptcy or insolvency status at any time during the Employee's employment.

5 OTHER POLICIES

The following are the relevant policies which are available from Human Resource.

5.1 WHISTLEBLOWING

The Whistleblowing Policy primarily addresses concerns where the interests of the Group are at risk. The main objectives of this policy are:

- a. To provide avenues for Employees to disclose any wrongdoing.
- b. The reassure Employees that they will be protected from reprisals, discrimination or victimization for whistleblowing in good faith.
- c. To provide a formal mechanism for action on all reports made.

5.2 WORKPLACE BULLYING

The Group views cases of bullying at the workplace seriously and any valid and proven cases will be subject to the appropriate disciplinary action. All parties are responsible for ensuring that any form of workplace bullying is prevented by:

- a. Ensuring that they are aware of and familiar with the policy, actions and behaviours that constitute bullying and ensuring that they adhere to the policy at all times.
- b. Ensuring that Employees under their supervision, where applicable, are similarly familiar with this policy of actions and behaviours that constitute bullying.
- c. Leading by example and ensuring that bullying does not occur at the workplace.

5.3 SEXUAL HARASSMENT

The promotion of the physical, emotional and psychological well-being of the Employees is an important objective of the Group.

The Group is committed to provide a conducive working environment for Employees to ensure that they are protected from all forms of sexual harassment and unsolicited or unwarranted sexual overtures and advances. Such act by Employees will be treated as misconduct which may result in the appropriate disciplinary action including dismissal.

6 CODE OF ETHICS AND CONDUCT PROCEDURES AND GUIDELINES

6.1 DISCIPLINARY PROCEDURES AND GUIDELINES

The Group reserves the right to take the appropriate disciplinary action against an Employee who is found to be in breach of the Group's rules and regulations, policies, procedures and accepted practices, whether expressed or implied.

The Group is committed in ensuring that any disciplinary action taken is in accordance with accepted practices and the relevant Labour Laws.

6.2 GRIEVANCE PROCEDURES

The Group is committed towards ensuring that Employees' grievances are attended to and/or resolved in a just, fair and timely manner in order to preserve harmonious relations.

To this effect, an Employee with a work related grievance is to first bring up his grievance to his superior. It is the responsibility of the superior to try and resolve the grievance at his level expediently. If unresolved and/or if the grievance involves the Employee's superior, the Employee may bring his grievance to the attention of Human Resource.

Every reasonable effort shall be made by the Group to resolve any grievance or complaints at the lowest possible level.

7 APPENDICES

7.1 LETTER OF UNDERTAKING

7.2 DECLARATION FORM

Remarks: *The appendices are for reference only. Copies may be obtained from Human Resource.*

7.1 LETTER OF UNDERTAKING

I hereby declare that I have read the Code of Ethics and Conduct Handbook. It is my sole duty and responsibility to read and understand the Code, which is an integral part of my Terms and Conditions of Service.

I shall conduct myself with complete integrity in the execution of my duties and assignments. I undertake that I will abide by the Code. If for any reason(s) I do not comply with any of the requirements of the Code, I shall not cite ignorance or lack of understanding as my self-defense. I further agree that the Management has the absolute right to take action due to any violation of the Code.

I fully understand that the Management has the absolute right to add, amend, review or delete any of the contents of the Code as and when necessary and that I shall also be liable to such additions, amendments, revisions and/or deletions.

Signature

Full Name (please print in capital letters)

Identity Card / Passport No.

Designation

Department and Company

Date

Please return the completed forms to the Head of Human Resource.*

* 7.1 Letter of Undertaking (1 page)

7.2 Declaration Form (2 pages)

**For Reference
Only**

7.2 DECLARATION FORM

The purpose of the declaration hereunder is to ensure that there is no conflict of interest between the Employee and the Group. Any changes in the status must be notified immediately to the Group.

A. Shares Ownership

I hereby declare that I, or members of my immediate family am/are (please mark '✓' where applicable):

Not the beneficial owner/s of 5% or more of the shares/securities of any public or private companies.

The beneficial owner/s of 5% or more of the shares/securities of the following public or private companies:

Name of Holder	Relationship	Name of Company Shares/Securities Held	Nature of Company Business	Percentage of Holdings

I hereby declare that I, and members of my immediate family, shall not acquire the beneficial ownership of 5% or more of the shares or securities of any public or private company, as from the date of this declaration and in future, without the written consent of the Deputy Chairman/Group MD.

For Reference Only

B. Other Interests

Please mark (✓) where applicable:

I have nothing to declare.

I hereby declare the following interests:-

<p>Business and Employment <i>Additional business, or other employment interest that I am involved in.</i></p>	<p>Name of Company: _____ Address: _____ Nature of Business: _____</p>
<p>Consultancy <i>Company or individual on behalf of whom consultancy is undertaken.</i></p>	<p>Name of Company: _____ Address: _____ Nature of Business: _____ Frequency or Volume of Work: _____</p>
<p>Directorships <i>Company of which I am a director.</i></p>	<p>Name of Company: _____ Address: _____ Nature of Business: _____ Remuneration: _____</p>
<p>Partnerships <i>Company with which I am a partner.</i></p>	<p>Name of Company: _____ Address: _____ Nature of Business: _____</p>
<p>Other relevant interests</p>	

I hereby declare that I will seek the written consent of the Deputy Chairman/ Group Managing Director prior to acquiring and being involved with any interests as per Table B above.

I also hereby declare that to the best of my knowledge, the information disclosed on this form is complete and accurate in accordance with the Code. I understand that any false declaration or omission may lead to disciplinary proceeding/action.

Signature

Full Name (please print in capital letters)

Identity Card/Passport No.

Designation

Department & Company

Date

**For Reference
Only**

KOD
ETIKA &
TATA LAKU

ISI KANDUNGAN

1	PENDAHULUAN	44
1.1	Ringkasan Eksekutif	44
1.2	Objektif	44
1.3	Definisi	45
1.4	Skop	45
1.5	Interpretasi	46
1.6	Senarai Semak Tata Laku Beretika	46
1.7	Arahan-Arahan	47
2	KENYATAAN KOD ETIKA	48
3	KENYATAAN KOD TATA LAKU	49
3.1	Prinsip-Prinsip Dasar	49
3.2	Tanggungjawab dan Akauntabiliti	49
4	KOD TATA LAKU KUMPULAN BOUSTEAD	51
4.1	PERCANGGAHAN KEPENTINGAN	51
4.1.1	Keahlian Lembaga Pengarah di Syarikat Lain	51
4.1.2	Kepentingan Kewangan	52
4.1.3	Pekerjaan atau Perniagaan Luar/Sampingan	52
4.1.4	Aktiviti Luar atau Aktiviti Sampingan di Luar Kumpulan	52
4.1.5	Hubungan Cinta di antara Rakan Sekerja	53
4.2	AMALAN RASUAH, HADIAH DAN GANJARAN PERNIAGAAN	53
4.2.1	Meminta, Menerima, dan Menawarkan Pembayaran Rasuah	53
4.2.2	Nilai Nominal	54
4.2.3	Ganjaran Perniagaan	54
4.3	MAKLUMAT SULIT	55
4.3.1	Rekod-Rekod	55
4.3.2	Pertukaran Maklumat Dalam ('Insider Trading')	56
4.3.3	Had Terhadap Pencarian Klien, Pelanggan dan/atau Prinsipal	58
4.3.4	Had Terhadap Kakitangan	59
4.4	HARTA SYARIKAT	59
4.4.1	Harta Intelek	59
4.4.2	Penggunaan Harta Syarikat (Kemudahan, Peralatan dan Sumber)	61
4.5	INTEGRITI KEWANGAN DAN PERAKAUNAN	63
4.5.1	Kaedah Pengeluaran Dana dan Lain-lain Aset	63
4.5.2	Kaedah Penyimpanan Rekod dan Dokumentasi	64
4.5.3	Penyimpanan Rekod dan Dokumen	64
4.5.4	Amalan Perolehan	64
4.5.5	Pengubahan Wang Haram	65

4.6	PENDEDAHAN BERKENAAN LEBIHAN PEMBAYARAN	65
4.7	IMEJ AWAM	66
4.7.1	Penampilan Awam	66
4.7.2	Media Komunikasi dan Kenyataan Awam	66
4.8	KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN, SEKURITI DAN ALAM SEKITAR	66
4.8.1	Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Sekuriti	66
4.8.2	Alam Sekitar	68
4.9	TATA LAKU AM	68
4.9.1	Penyalahgunaan dan/atau Penggunaan Tidak Sesuai Komputer/ Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)/Media Sosial	68
4.9.2	Perlakuan Tidak Jujur dan Penipuan	69
4.9.3	Perbuatan Tidak Hormat dan Keingkaran	69
4.9.4	Perbuatan Berunsur Keganasan, Kelakuan yang Tidak Sesuai dan Kesalahan Jenayah	70
4.9.5	Alkohol, Dadah dan Perjudian	71
4.9.6	Penampilan	72
4.9.7	Pengendalian Urusan Perniagaan	72
4.9.8	Percanggahan Kepentingan	73
4.9.9	Kelewatan, Ketidakhadiran dan Kedadangan	73
4.9.10	Keselamatan dan Kesihatan	74
4.9.11	Kesalahan Berunsur Seksual/Jantina/Kaum/Agama	74
4.9.12	Prestasi Kerja	75
4.9.13	Lain-lain	75
5	POLISI-POLISI LAIN	76
5.1	Polisi Khidmatadu atau 'Whistleblowing'	76
5.2	Polisi Membuli di Tempat Kerja	76
5.3	Polisi Gangguan Seksual	77
6	GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR KOD ETIKA DAN TATA LAKU	78
6.1	Garis Panduan dan Prosedur Disiplin	78
6.2	Prosedur Aduan	78
7	LAMPIRAN	79
7.1	Surat Ikrar/Akujanji	80
7.2	Borang Pengisytiharan	81

1 PENDAHULUAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kumpulan Boustead adalah komited untuk mengekalkan tahap integriti dan profesionalisme yang tinggi dalam semua urusan perniagaan. Kumpulan Boustead sentiasa berusaha untuk memastikan segala urusan perniagaan dijalankan secara beretika dan selaras dengan undang-undang negara pada setiap masa.

Kod Etika dan Tata Laku (yang akan dirujuk sebagai Kod) diterbitkan sebagai satu langkah atau usaha Pihak Pengurusan untuk menanam dan menitikberatkan tahap etika yang diperlukan pada setiap Kakitangan.

Kod ini telah ditambah-baik sebagai panduan untuk mengenalpasti sebarang masalah. Walau bagaimanapun, Kod ini bukanlah manual yang menyeluruh yang boleh merangkumi segala keadaan etika yang dihadapi. Sebaliknya, Kod ini memberikan panduan tatacara kelakuan beretika yang diperlukan dari Pihak Pengurusan dan juga Kakitangan. Kod ini membantu mengenalpasti situasi-situasi yang mungkin akan mempersoalkan isu kelakuan beretika seseorang individu dan seterusnya membantu untuk membuat keputusan yang wajar.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap Kakitangan untuk memahami dan mematuhi Kod ini. Pihak Pengurusan mempunyai hak untuk mengambil tindakan disiplin dan/atau tindakan undang-undang terhadap mana-mana Kakitangan yang mengingkari atau menyalahi Kod ini.

1.2 OBJEKTIF

- a. Untuk mentakrifkan kelakuan-kelakuan yang diterima.
- b. Untuk membantu Kakitangan mencapai tahap amalan perniagaan beretika yang tinggi.
- c. Untuk menyampaikan mesej pematuhan kod ini kepada Kakitangan dan Pihak Luar yang berurusan dengan Kumpulan.
- d. Untuk menanamkan kesedaran dan pemahaman di kalangan Kakitangan dan Pihak Luar bahawa tindakan disiplin akan dikenakan sekiranya gagal mematuhi Kod ini.

1.3 DEFINISI

Definisi berikut akan digunakan bagi tujuan Kod ini:

- a. **Kumpulan Boustead** atau **Kumpulan** atau **Syarikat** merujuk kepada Boustead Holdings Berhad dan anak-anak syarikat berkaitan.
- b. **Pengerusi** merujuk kepada Pengerusi Boustead Holdings Berhad.
- c. **Kod** merujuk kepada Kod Etika dan Tata Laku ini.
- d. **Kakitangan** merujuk kepada semua Kakitangan yang diambil bekerja atau digajikan secara tetap atau sambilan/sementara. Ini termasuk Kakitangan kontrak, Kakitangan yang ditukarkan sementara (dipinjamkan), Kakitangan perantisan, Kakitangan latihan atau sesiapa yang di bawah penyeliaan Kumpulan sama ada yang digajikan ataupun tidak.
- e. **Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan** merujuk kepada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan bagi Kumpulan Boustead Holdings Berhad.
- f. **Sumber Manusia** merujuk kepada Jabatan Pengurusan Modal Insan Kumpulan bagi Boustead Holdings Berhad atau Jabatan Sumber Manusia bagi anak-anak syarikat yang berkaitan.
- g. **Ketua Sumber Manusia** merujuk kepada Ketua bagi Jabatan Pengurusan Modal Insan Kumpulan bagi Boustead Holdings Berhad atau Ketua Jabatan Sumber Manusia bagi anak-anak syarikat yang berkaitan.
- h. **Pihak Luar** merangkumi klien, pelanggan, pemegang saham, kontraktor, pegawai kerajaan, pihak agensi, institusi kewangan yang mempunyai urusan secara langsung atau tidak langsung dengan Kumpulan Boustead.
- i. **Pihak Pengurusan** merujuk kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan, Pengarah Bahagian, Ketua Unit Perniagaan dan Ketua Jabatan di Kumpulan Boustead.

1.4 SKOP

Kod ini menggantikan kesemua Kod Etika dan Kod Tata Laku, Dokumen Salah Laku Kakitangan dan apa-apa dokumen yang berkaitan atau berkenaan yang digunakan sebelum ini. Pihak Kumpulan akan berusaha untuk mengekalkan isi kandungan Kod ini mengikut perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, Pihak Pengurusan mempunyai hak untuk mengkaji semula, mengubah, menggantung atau mengeluarkan mana-mana polisi, prosedur dan/atau faedah yang terkandung dalam Kod ini dengan atau tanpa notifikasi kepada Kakitangan.

Kod dan polisi-polisi Kumpulan ini merangkumi semua Kakitangan Kumpulan dan Pihak Luar, sekiranya berkaitan.

1.5 INTERPRETASI

- a. Perkataan yang merujuk kepada jantina akan dianggap merangkumi lelaki dan wanita, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.
- b. Perkataan merujuk kepada kata tunggal akan dianggap merangkumi kata majmuk dan sebaliknya.
- c. Rujukan kepada anak adalah termasuk anak angkat yang sah dan anak tiri.
- d. Dokumen ini adalah terjemahan daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan di dalam mana-mana kandungan Kod ini, rujukan akan dibuat pada versi awal di dalam Bahasa Inggeris. Interpretasi Kumpulan terhadap Kod ini juga adalah dianggap muktamad.
- e. Jika terdapat sebarang keraguan, tafsiran Pihak Pengurusan akan diambil sebagai muktamad.

1.6 SENARAI SEMAK TATA LAKU BERETIKA

Untuk membantu Kakitangan dalam menentukan samada sesuatu tata laku itu beretika atau tidak, tata laku itu hendaklah diambil kira sama ada ianya:

- a. Sah dari segi undang-undang.
- b. Mencerminkan Nilai Teras Kumpulan.
- c. Bercanggah dengan kepentingan Kumpulan.
- d. Memberi kesan buruk kepada diri sendiri, Kakitangan lain, Pihak Luar dan Kumpulan.

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai Kod ini boleh diajukan kepada Ketua Sumber Manusia/Pengarah Bahagian/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah/Pengurus Besar/Pengurus/Ketua Jabatan, dan/atau melalui mekanisme Khidmatadu Kumpulan atau 'Whistleblowing', sekiranya berkaitan.

1.7 ARAHAN-ARAHAN

- a. Aplikasi Kod ini merangkumi semua Kakitangan.
- b. Setiap Pengarah Bahagian/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah/Pengurus Besar/Pengurus/Ketua Jabatan perlu memastikan kesemua Kakitangan di bawah penyeliaan Jabatan/Bahagian/Syarikat yang diketuainya memahami kandungan Kod ini dan di samping itu, memastikan setiap Kakitangan menandatangani pengesahan pemahaman isi kandungan Kod ini.
- c. Kesemua Kakitangan diwajibkan menandatangani dokumen-dokumen berikut, apabila diarahkan oleh Pihak Pengurusan:
 - i. Surat Ikrar/Akujanji.
 - ii. Borang Pengisytiharan (hanya merujuk kepada klausa 4.1.1 hingga 4.1.5 sahaja).
 - iii. Perjanjian Sulit dan Perjanjian Kerahsiaan (sekiranya berkenaan).
 - iv. Apa-apa dokumen lain (sekiranya berkenaan).
- d. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, adalah menjadi tanggungjawab Kakitangan untuk mendapatkan penerangan lanjut daripada ketua/pegawai penyelia mereka dan/atau Ketua Sumber Manusia.
- e. Dokumen yang telah ditandatangani (Perkara 7.1: Surat Ikrar/Akujanji, Perkara 7.2: Borang Pengisytiharan) perlu dikembalikan kepada Ketua Sumber Manusia, dalam tempoh satu (1) minggu daripada penerimaan Kod ini.
- f. Bagi kes-kes yang mana memerlukan persetujuan dan/atau kelulusan bertulis dari Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan seperti yang telah digariskan di dalam Kod ini, semua permohonan kebenaran dan/atau notifikasi perlu dihantar melalui Ketua Sumber Manusia.

2 KENYATAAN KOD ETIKA

Kod Etika merupakan satu kenyataan berkenaan dengan prinsip etika, nilai dan perlakuan yang diamanahkan kepada setiap Kakitangan Kumpulan Boustead. Ianya bertujuan untuk membantu Kakitangan mengenalpasti dan menyelesaikan isu etika yang mungkin wujud ketika menjalankan tugas. Kod Etika ini meringkaskan prinsip-prinsip am yang membawa kebaikan kepada Kumpulan.

Kumpulan Boustead berusaha untuk mencapai tahap etika yang tinggi di tempat kerja. Kod Etika ini menekankan kepentingan untuk berpegang kepada Nilai Teras Syarikat iaitu **Hormat, Integriti, Kerja Berpasukan** dan **Kecemerlangan**. Pihak Pengurusan dan Pihak Kakitangan perlu komited kepada Nilai Teras ini dan bersama-sama memainkan peranan berikut:

NILAI TERAS SYARIKAT

- **HORMAT**
Kami akan menghormati rakan sekerja dan Pihak Luar pada setiap masa.
- **INTEGRITI**
Kami akan mengamalkan tahap integriti yang tertinggi dalam setiap perhubungan dan urusan perniagaan.
- **KERJA BERPASUKAN**
Kami akan bekerjasama antara satu sama lain untuk mewujudkan perhubungan pekerjaan yang sihat.
- **KECEMERLANGAN**
Kami mengharapkan hanya kecemerlangan dari setiap Kakitangan.

Nilai Teras Syarikat mewujudkan satu kesedaran bersama terhadap prinsip-prinsip, kepercayaan-kepercayaan dan tahap etika di dalam Kumpulan Boustead sebagai garis panduan kepada tindakan dan kelakuan yang diamanahkan kepada Kakitangan. Perniagaan yang berteraskan prinsip-prinsip yang tinggi akan menghasilkan dorongan dan keberkesanan yang lebih besar dan menjadi asas terbaik bagi menentukan hala tuju masa depan Syarikat.

3 KENYATAAN KOD TATA LAKU

Kod Tata Laku ini adalah berdasarkan kepada prinsip etika, nilai dan perlakuan yang telah digariskan dalam Kod Etika. Kod ini digunapakai oleh setiap Kakitangan Kumpulan Boustead dan merupakan bahagian penting dalam terma dan syarat perkhidmatan Kakitangan.

3.1 PRINSIP-PRINSIP DASAR

Secara amnya, Kod Tata Laku ini mengandungi enam (6) prinsip utama yang perlu dipatuhi oleh setiap Kakitangan:

- a. Mengelak percanggahan kepentingan.
- b. Mengelak penyalahgunaan kedudukan/jawatan/kuasa.
- c. Mengelak penyalahgunaan maklumat yang diperolehi melalui operasi Kumpulan Boustead, sama ada untuk kepentingan peribadi atau kepentingan orang lain selain daripada untuk Kumpulan Boustead.
- d. Memastikan kerahsiaan maklumat, komunikasi dan transaksi yang dilakukan oleh Kumpulan Boustead.
- e. Memastikan ketelusan dan keadilan.
- f. Mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang baik.

3.2 TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI

a. Kakitangan

Semua Kakitangan diwajibkan untuk memahami dan mematuhi isi kandungan Kod ini. Sekiranya Kakitangan melanggar Kod ini, alasan Kakitangan bahawa tidak mengetahui tentang kewujudan Kod serta perubahan yang dibuat tidak akan diterima.

b. Pihak Pengurusan

Pihak Pengurusan mempunyai tanggungjawab tambahan mengikut amalan-amalan ini, dari segi pertuturan dan tindakan/tingkahlaku. Mereka mesti menggalakkan pematuhan dan etika melalui teladan. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk mempromosi komunikasi dua hala yang terbuka dan jujur untuk memudahkan perbincangan terutama sekali dalam situasi di mana penggunaan Kod ini mungkin tidak jelas.

Pihak Pengurusan bukan sahaja memainkan peranan dengan memberi contoh yang baik tetapi juga mengawasi tanda-tanda berlakunya penyelewengan amalan urusan perniagaan yang melanggar Kod atau menyalahi undang-undang.

c. Pihak Luar

Semua Pihak Luar yang berurusan dan menjalankan perniagaan dengan Kumpulan perlu mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Kod ini dalam semua perhubungan dan urusan mereka.

4 KOD TATA LAKU KUMPULAN BOUSTEAD

Setiap Kakitangan perlu mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan di Malaysia dan mengamalkan etika perniagaan yang lazim dipraktikkan. Kakitangan juga diwajibkan mematuhi Kod Tata Laku seperti berikut:

4.1 PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Kakitangan harus mengelakkan situasi di mana kepentingan peribadi boleh bercanggah, atau kelihatan bercanggah, dengan perniagaan Kumpulan. Sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kumpulan, Kakitangan hendaklah menumpukan seluruh masa, perhatian dan kemahiran mereka untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberi dengan sebaik mungkin dan mematuhi arahan-arahan yang munasabah dan sah disisi undang-undang yang diberikan oleh pegawai atasan.

Percanggahan kepentingan mungkin akan wujud sekiranya Kakitangan mempunyai aktiviti peribadi, sosial, kewangan atau politik yang mengganggu atau berkemungkinan akan mengganggu ketaatan dan objektiviti Kakitangan terhadap Kumpulan. Setiap kakitangan bertanggungjawab untuk mengelak dari melibatkan diri di dalam situasi dimana percanggahan kepentingan akan timbul.

4.1.1 Keahlian Lembaga Pengarah di Syarikat Lain

- a. Kakitangan perlu mengisytiharkan sekiranya mereka mempunyai keahlian lembaga pengarah dalam apa jua jawatan yang disandang di mana-mana syarikat di luar Kumpulan.
- b. Kakitangan yang telah dipelawa untuk menjadi ahli lembaga pengarah dalam apa jua jawatan di mana-mana syarikat di luar Kumpulan hanya dibenarkan untuk menerima perlantikan tersebut setelah memperolehi persetujuan bertulis dari Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan.
- c. Bagi tujuan mendapatkan kelulusan, Kakitangan perlu memastikan keahlian tersebut tidak bercanggah dengan kepentingan Kumpulan dan masa yang diperuntukkan untuk keahlian tidak akan menjejaskan tanggungjawab mereka dengan Kumpulan.
- d. Sekiranya pada bila-bila masa Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan berpendapat bahawa terdapat percanggahan kepentingan atau keahlian tersebut menjejaskan tanggungjawab Kakitangan di Kumpulan Boustead, Kakitangan tersebut perlu membuat salah satu keputusan sama ada untuk terus berkhidmat dengan Kumpulan Boustead atau memegang keahlian lembaga pengarah tersebut.

4.1.2 Kepentingan Kewangan

- a. Kakitangan dan ahli keluarga mereka tidak dibenarkan, samada secara langsung atau tidak langsung, untuk membeli, menjual dan menyewa hartanah, peralatan atau bahan daripada atau kepada Kumpulan Boustead (melainkan untuk kegunaan sendiri).
- b. Kakitangan dan ahli keluarga yang mempunyai kepentingan kewangan dengan mana-mana Pihak Luar yang mempunyai urusan perniagaan dengan Kumpulan dan terlibat dalam membuat sebarang keputusan, urusan dan transaksi untuk entiti tersebut dan pada masa yang sama Kakitangan tersebut berkhidmat dengan Kumpulan, perlu memaklumkan kepada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan secara bertulis dan memperolehi kebenaran sebelum membuat urusan, keputusan atau transaksi.

4.1.3 Pekerjaan atau Perniagaan Luar/Sampingan

Kakitangan tidak boleh melibatkan diri di dalam pekerjaan atau perniagaan lain yang bercanggah dengan tugas di Kumpulan dan/atau perniagaan dan operasi Kumpulan.

4.1.4 Aktiviti Luar atau Aktiviti Sampingan di Luar Kumpulan

- a. Kakitangan tidak dibenarkan untuk menjadi ahli kepada mana-mana parti politik, majlis perbadanan, jawatankuasa perdagangan atau mana-mana persatuan bukan dagang tanpa mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan.
- b. Pada kebiasaannya, persetujuan tidak akan diberikan melainkan kesemua atau beberapa syarat dari tiga (3) syarat di bawah dipenuhi:
 - i. Keahlian tidak bercanggah dengan kepentingan Kumpulan.
 - ii. Kumpulan akan mendapat manfaat daripada keahlian tersebut.
 - iii. Masa yang diperuntukkan untuk keahlian tidak menjejaskan pelaksanaan tugas Kakitangan tersebut dengan Kumpulan.
- c. Penglibatan Kakitangan dalam aktiviti keahlian setelah mendapat kebenaran daripada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan hendaklah mengikut masa dan menggunakan perbelanjaan sendiri.

4.1.5 Hubungan Cinta di antara Rakan Sekerja

- a. Pihak Kumpulan percaya bahawa Kakitangan mempunyai penilaian yang baik dalam membuat keputusan untuk menjalinkan hubungan cinta dengan rakan sekerja. Walau bagaimanapun, Kakitangan yang mempunyai hubungan cinta dengan rakan sekerja perlu mengenal pasti samada hubungan tersebut boleh menimbulkan percanggahan kepentingan atau dianggap menimbulkan percanggahan kepentingan ataupun tidak, bergantung kepada tugas dan kedudukan pangkat seseorang Kakitangan.
- b. Oleh itu, Kakitangan tidak dibenarkan untuk memulakan atau meneruskan hubungan cinta dengan Kakitangan di bawah penyeliaan mereka, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Walaupun pegawai atasan tersebut bersikap adil dan saksama, hubungan tersebut boleh dianggap mempengaruhi penilaian prestasi, kenaikan gaji dan kenaikan pangkat, antara lain.
- c. Sebarang hubungan cinta dengan rakan sekerja juga tidak dibenarkan sekiranya hubungan tersebut mengganggu atau mewujudkan konflik. Sekiranya hubungan ini berlaku, Kakitangan perlu memaklumkan kepada Sumber Manusia. Perubahan dalam aturan kerja boleh dilakukan bagi salah seorang Kakitangan yang terlibat atau kedua-duanya, mengikut budi bicara Syarikat.

4.2 AMALAN RASUAH, HADIAH DAN GANJARAN PERNIAGAAN

Semua Kakitangan dilarang meletakkan diri dalam keadaan terhutang budi atau berkompromi dalam apa jua urusan perniagaan. Garis panduan yang paling nyata adalah suara hati seseorang apabila berhadapan dengan keadaan sedemikian. Kakitangan perlu bertanggungjawab di atas tindakan yang diambil serta bersikap telus dan adil ketika menjalankan tugas.

4.2.1 Meminta, Menerima, dan Menawarkan Pembayaran Rasuah

Pemberian hadiah boleh membina perhubungan yang baik dalam urusan perniagaan, akan tetapi sesetengah hadiah boleh mempengaruhi atau dianggap mempengaruhi sesuatu keputusan yang diambil. Imbuan sebegini boleh dilihat sebagai rasuah, korupsi atau sogokan. Imbuan ini adalah termasuk apa jua hadiah yang diterima untuk kegunaan persendirian sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan tanpa mengira nilai.

Ini adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada wang tunai, hadiah, ganjaran, kenderaan, penggunaan harta benda dan rumah peranginan, percutian, saham atau sekuriti, syer, terma khas ke atas produk atau perkhidmatan, pengubahsuaian rumah, tiket-tiket, sijil-sijil hadiah, komisen dan hiburan.

Semua Kakitangan serta ahli keluarga tidak dibenarkan untuk meminta, menerima, menjanjikan dan menawarkan rasuah bagi pihak mereka kepada atau daripada Pihak Luar (termasuk pihak Kerajaan, Badan Berkanun dan Agensi) yang boleh mempengaruhi atau dianggap mempengaruhi sesuatu keputusan yang diambil dalam memperolehi urusan perniagaan atau pemberian kontrak sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

4.2.2 Nilai Nominal

Kakitangan boleh menerima sekiranya pihak yang berurusan dengan Kakitangan ingin membayar kos makan atau hiburan dengan nilai nominal sewaktu menjalankan urusan perniagaan. Nilai 'nominal' ini bergantung kepada keadaan dan kesesuaian. Secara amnya, nominal bermaksud sesuatu pelawaan atau ganjaran perniagaan yang bernilai rendah.

Sewaktu menjalankan sebarang urusan perniagaan, Kumpulan melarang pemberian hadiah/ganjaran melebihi nilai nominal. Kakitangan tidak boleh menerima apa jua bentuk imbuhan yang terlalu mewah atau terlalu kerap.

4.2.3 Ganjaran Perniagaan

Pemberian atau penerimaan ganjaran perniagaan adalah berbeza mengikut budaya bangsa masing-masing. Dalam situasi di mana Kakitangan tidak diberi pilihan tetapi untuk menerima pemberian hadiah atau tidak boleh menolak pemberian tersebut, maka Kakitangan seharusnya membuat penilaian yang sewajarnya. Kakitangan dibenarkan untuk menerima pemberian hadiah dalam situasi seperti berikut:

- a. Perbelanjaan makan perniagaan yang tidak terlalu kerap.
- b. Cenderahati Korporat pada nilai nominal (sebagai contoh kalendar, pen, buku nota, diari).
- c. Barangan promosi.
- d. Hiburan yang berpatutan; sebagai contoh menemani rakan perniagaan menghadiri acara kebudayaan atau acara sukan.

- e. Hadiah bukan berbentuk wang tunai yang diberi kepada Kakitangan yang menghadiri majlis menandatangani perjanjian dan lawatan korporat.
- f. Hadiah yang diberikan bagi meraikan majlis perkahwinan, Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas dan lain-lain perayaan.
- g. Situasi di mana sekiranya dengan tidak menerima hadiah yang ditawarkan, ianya dianggap sebagai melanggar adat dan menjadi kesalahan kepada organisasi atau negara di mana urusan perniagaan dijalankan.

4.3 MAKLUMAT SULIT

Maklumat sulit di dalam konteks ini merujuk kepada semua rahsia-rahsia perdagangan, maklumat sulit, dan maklumat persendirian berkaitan Kumpulan yang merangkumi perkara-perkara berikut, walau bagaimanapun tidak terhad kepada:

- a. Maklumat perniagaan dan kewangan Kumpulan.
- b. Amalan-amalan dan kaedah-kaedah perniagaan Kumpulan.
- c. Strategi harga dan pemasaran Kumpulan.
- d. Harta intelektual.
- e. Maklumat berkaitan Kakitangan, klien, pelanggan dan prinsipal.
- f. Lain-lain pangkalan data korporat.
- g. Semua maklumat Kumpulan yang dikemaskini dari masa ke semasa dan diklasifikasikan sebagai sulit.

Maklumat sulit ini tidak termasuk maklumat yang diterbitkan sebagai hak awam atau yang diklasifikasikan sebagai hak awam (dengan pengecualian sekiranya klasifikasi maklumat tersebut adalah hak awam tetapi tidak mendapat kelulusan untuk diterbitkan atau merupakan tindakan dari pihak Kakitangan itu sendiri). Penyalahgunaan maklumat sulit adalah dilarang sama sekali.

4.3.1 Rekod-Rekod

Sesuatu rekod merupakan maklumat yang dihasilkan atau diterima sebagai bukti berkaitan sesuatu urusan perniagaan. Pihak Kumpulan memerlukan rekod-rekod ini diuruskan dan disimpan dengan baik sepanjang tempoh penyimpanan. Rekod ini adalah termasuk fail regulatori, rekod kualiti, rekod keselamatan, rekod kewangan dan rekod Kakitangan.

a. Laporan dan Rekod Pengurusan

Kakitangan dikehendaki untuk bekerjasama sekiranya mana-mana agensi kerajaan memerlukan sebarang maklumat bukan sulit berkaitan Kumpulan. Walau bagaimanapun, sekiranya maklumat yang diminta adalah bukan rutin, Kakitangan perlu merujuk kepada jabatan yang berkenaan terlebih dahulu sebelum mengemukakan sebarang maklumat.

Kakitangan yang diberi kuasa untuk mewakili pihak Kumpulan perlu memberikan maklumat yang benar dan tepat semasa berhubung dengan mana-mana pegawai audit, wakil kerajaan dan pihak-pihak lain. Integriti maklumat perlu ditekankan pada setiap masa, di mana kakitangan dilarang memberikan maklumat dan rekod Kumpulan yang disalah tafsir atau palsu.

b. Kerahsiaan Maklumat dan Data Kakitangan

Pihak Kumpulan adalah komited untuk melindungi kerahsiaan butiran peribadi Kakitangan yang sulit. Polisi Syarikat telah menggariskan untuk meminta dan menyimpan butiran peribadi Kakitangan yang diperlukan sahaja untuk urusan operasi Kumpulan atau dari segi perundangan. Kumpulan akan memastikan bahawa:

- i. Akses kepada maklumat peribadi adalah terhad kepada Kakitangan yang diberi kebenaran dan yang mempunyai keperluan terhadap maklumat tersebut di atas urusan Syarikat.
- ii. Kakitangan yang diberi kuasa untuk memperolehi dan menggunakan maklumat butiran peribadi akan menitikberatkan tahap kerahsiaan yang tertinggi.
- iii. Kakitangan yang diberi kuasa dilarang mendedahkan maklumat butiran peribadi tanpa kebenaran kepada sesiapa sama ada di dalam Kumpulan atau Pihak Luar.

4.3.2 Pertukaran Maklumat Dalaman ('Insider Trading')

Pertukaran maklumat dalaman ('insider trading') merujuk kepada situasi di mana Kakitangan membeli atau menjual sekuriti (syer yang disebut-harga) apabila Kakitangan tersebut mempunyai maklumat sulit yang tidak diketahui oleh umum dan perkara tersebut mempunyai kesan ke atas nilai yang akan berlaku terhadap sekuriti tersebut. Seseorang jawatan dalam Kumpulan mungkin akan didedahkan kepada maklumat tersebut atau dengan maklumat tersebut beliau mendedahkan maklumat itu secara langsung atau tidak langsung kepada Kakitangan lain.

a. Definisi

Pertukaran maklumat dalam ('insider trading') merangkumi kategori-kategori berikut:

- i. Syarikat kepunyaan Kakitangan.
- ii. Prinsipal, anak syarikat dan syarikat berkaitan/bersekutu.
- iii. Pelanggan atau syarikat pembekal.
- iv. Syarikat-syarikat di mana kategori-kategori di atas adalah berkaitan; sebagai contoh syarikat yang di dalam proses pengambilalihan.

b. Orang Dalam

'Orang dalam' adalah termasuk:

- i. Semua pengarah syarikat, samada eksekutif atau bukan eksekutif.
- ii. Semua Kakitangan.
- iii. Ahli keluarga pengarah dan Kakitangan.
- iv. Individu yang mewarisi harta kepada semua yang tersenarai di atas.
- v. Individu lain yang bertindak sebagai wakil atau bagi tujuan di atas.

c. Urus Niaga

Orang dalam tidak dibenarkan membeli, menjual atau menjalankan urusan berkaitan dengan saham Syarikat, samada secara langsung atau tidak langsung, untuk mana-mana Syarikat dalam Kumpulan Boustead dalam tempoh berikut:

- i. Bermula dari ketika maklumat diperolehi sehingga satu (1) hari penuh dagangan dijalankan selepas pengumuman perkara yang melibatkan maklumat harga yang sensitif tidak diterbitkan berkaitan dengan sekuriti Kumpulan atau mana-mana syarikat awam berhad.
- ii. Dari permulaan cadangan untuk rundingan korporat yang melibatkan transaksi yang bernilai melebihi 25% daripada nilai aset bersih syarikat awam berhad sehingga satu (1) hari penuh dagangan selepas hari pengumuman dibuat atau satu (1) hari selepas pembatalan rundingan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- iii. Bermula dari tamat tempoh tahun kewangan, pertengahan tahun kewangan atau suku tahun kewangan, mengikut mana yang berkenaan, sehingga satu (1) hari penuh dagangan selepas pengumuman Kumpulan berkaitan prestasi bagi tahun kewangan, pertengahan tahun kewangan atau suku tahun kewangan, mengikut mana yang berkenaan, dan/atau sebarang dividen dan pengagihan yang akan dibayar atau diluluskan.

Kebenaran bertulis perlu diperolehi daripada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan sekiranya terdapat alasan yang kukuh untuk melupuskan saham yang ingin dijual dalam tempoh yang dinyatakan di atas oleh orang dalam. Ini adalah digunapakai ke atas saham kesemua syarikat-syarikat lain seperti yang disenaraikan di atas.

d. Maklumat Sensitif Berkenaan Harga

- i. Kakitangan perlu menerima dan memahami bahawa maklumat sensitif harga adalah sulit terhadap Kakitangan tertentu sahaja dan tidak perlu dibincangkan atau dihebahkan kepada orang lain kecuali dalam kapasiti rasmi.
- ii. Kakitangan tidak dibenarkan untuk menjalankan urusan niaga berkaitan sekuriti yang disenaraikan sama ada sekuriti tersebut adalah terbitan sendiri atau terbitan pihak lain selagi mereka memiliki maklumat sensitif harga yang berkaitan dengan sekuriti yang disenaraikan itu.
- iii. Dalam konteks ini, apa-apa maklumat yang diklasifikasikan sebagai maklumat sensitif berkenaan harga, jika diketahui oleh Pihak Luar, mungkin mempunyai kesan ke atas harga sekuriti Kumpulan. Ini adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat mengenai keuntungan, terbitan baharu, dividen, aliran tunai, penggabungan, pengambilalihan, aliran keluar modal dan sebagainya.

4.3.3 Had Terhadap Pencarian Klien, Pelanggan dan/atau Prinsipal

Semua Kakitangan, pada bila-bila masa di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka atau untuk jangka masa tiga (3) tahun dari tempoh penamatan perkhidmatan mereka dengan Kumpulan Boustead, samada secara langsung atau tidak langsung, tidak akan mencari/menarik/mendapatkan atau berusaha mencari/menarik/mendapatkan sama ada bagi dirinya sendiri atau pihak syarikatnya sendiri atau bagi pihak individu atau syarikat yang bersaing dengan Kumpulan Boustead, tanpa kebenaran bertulis daripada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad:

- i. Secara langsung atau tidak langsung mencari/menarik/mendapatkan atau berusaha untuk mencari/menarik/mendapatkan klien, pelanggan dan prinsipal Kumpulan pada tarikh penamatan perkhidmatan dengan Kumpulan atau;
- ii. Menggunakan pengetahuan untuk mempengaruhi klien, pelanggan atau prinsipal Kumpulan untuk kepentingan peribadi atau pihak lain yang bersaing dengan Kumpulan.

4.3.4 Had Terhadap Kakitangan

Semua Kakitangan, pada bila-bila masa di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka atau untuk jangka masa tiga (3) tahun dari tempoh penamatan perkhidmatan mereka dengan Kumpulan Boustead, sama ada bagi dirinya sendiri atau pihak syarikatnya sendiri atau bagi pihak individu atau syarikat yang bersaing dengan Kumpulan Boustead, tidak akan samada secara langsung atau tidak langsung mencari/menarik/mendapatkan atau berusaha untuk mencari/menarik/ mendapatkan mana-mana Kakitangan Kumpulan Boustead menjadi Kakitangan atau kontraktor atau ejen untuk jangka masa dua (2) tahun sebelum penamatan perkhidmatan mereka dengan Kumpulan Boustead tanpa kebenaran bertulis daripada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad.

4.4 HARTA SYARIKAT

Semua Kakitangan adalah bertanggungjawab untuk melindungi harta syarikat sama ada harta intelek mahupun fizikal dari sebarang kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan, kecurian ataupun apa jua bentuk vandalisme. Sebarang harta milik Kumpulan Boustead yang diamanahkan kepada Kakitangan adalah untuk tujuan kegunaan kerja sahaja. Penyalahgunaan harta yang diamanahkan adalah satu kesalahan yang serius.

4.4.1 Harta Intelek

Kakitangan tidak boleh menggunakan harta intelek untuk kepentingan peribadi. Penggunaan harta intelek tanpa kebenaran boleh mengakibatkan kehilangan nilai yang serius. Lain-lain harta intelek adalah termasuk hak paten, tanda dagang, tanda khidmat, nama domain, hak cipta, rahsia perniagaan, hak pengetahuan, hak milik, maklumat, dokumen dan kemudahan komunikasi.

a. Pemilikan

Pihak Kumpulan mempunyai hak secara sah di sisi undang-undang ke atas semua idea, rekacipta, dan kerja yang dicipta atau dibangunkan oleh Kakitangan, samada secara perseorangan ataupun bersama individu lain, pada sebarang masa perkhidmatan Kakitangan tersebut dengan Kumpulan Boustead yang mana ianya perlu dimaklumkan kepada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan.

Harta intelek tersebut, hak cipta dan lain-lain hak harta intelek yang terkandung di dalamnya adalah milik Kumpulan selagi mana hak harta intelek itu wujud atau berkeupayaan untuk wujud di seluruh dunia. Sebarang penduaan bahan yang mempunyai hak cipta tanpa sebarang keizinan Kumpulan adalah dilarang.

b. Nama Korporat, Logo dan Lain-lain

Nama korporat dan logo Kumpulan Boustead adalah tidak ternilai dan merupakan aset tidak ketara yang mencerminkan nama baik Kumpulan. Penggunaannya hanyalah untuk tujuan rasmi sahaja. Nama korporat dan logo hendaklah dihormati, dijaga dan bukan untuk penyalahgunaan peribadi.

c. Perisian Hak Milik

Semua Kakitangan mestilah menggunakan perisian komputer yang berlesen. Memperolehi, memiliki, memperdagangkan atau menggunakan perisian yang boleh menjejaskan keselamatan sistem maklumat/informasi Kumpulan adalah dilarang. Berikut adalah penggunaan perisian Syarikat yang tidak wajar yang mana ianya adalah dilarang pada sepanjang masa:

- i. Sebarang penduaan perisian tanpa kebenaran bertulis.
- ii. Sebarang penduaan atau pindahan hak milik perisian yang dimiliki Kumpulan kepada komputer lain yang bukan milik Kumpulan, melainkan dengan kebenaran.
- iii. Sebarang penggunaan perisian yang tidak dibenarkan pada mana-mana komputer.

d. Dokumen dan Maklumat

Peraturan am dalam melindungi maklumat syarikat adalah:

- i. Menggunakan perlindungan kata laluan pada fail komputer.
- ii. Menyimpan dokumen di dalam kabinet berkunci di premis syarikat.
- iii. Melindungi maklumat di dalam komputer riba semasa perjalanan.
- iv. Mengambil langkah berhati-hati semasa bercakap di tempat awam contohnya semasa menggunakan telefon bimbit.
- v. Menggunakan pertimbangan profesional semasa ingin berkongsi pengetahuan terutamanya dengan pihak ketiga.

4.4.2 Penggunaan Harta Syarikat (Kemudahan, Peralatan dan Sumber)

Harta syarikat, peralatan, kemudahan dan sumbernya hendaklah diselia dan digunakan secara ekonomikal dan efisien. Harta-harta ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

a. Kemudahan Teknologi Maklumat

Internet merupakan satu sumber maklumat yang tidak terhad yang disediakan dalam persekitaran yang tidak dikawal. Di tempat kerja, kemudahan yang disediakan untuk Kakitangan adalah untuk tujuan perniagaan. Oleh itu, tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap Kakitangan yang menggunakan internet untuk aktiviti-aktiviti yang tidak sepatutnya. Kegunaan peribadi mestilah tidak mengganggu produktiviti kerja. Berikut adalah contoh-contoh penggunaan internet dan emel yang tidak dibenarkan dan/atau tidak wajar:

- i. Menghantar atau menyebarkan dokumen dan emel yang diketahui mengandungi virus secara sengaja dengan tujuan untuk melakukan kerosakan.
- ii. Melayari internet untuk melawat laman web yang tidak sesuai termasuk laman web yang lucah, tidak sopan atau menjelikkan, contohnya laman pornografi dan perjudian.
- iii. Memuat turun bahan yang boleh menyinggung perasaan dan boleh mendatangkan bantahan dari segi keagamaan, politik, perkauman, atau jantina.

- iv. Memuat turun fail yang besar atau mengakses aliran audio atau video untuk kegunaan peribadi.
- v. Menyesakkan laluan gerbang masuk emel dengan mesej yang bukan merupakan urusan perniagaan.
- vi. Mengedar emel yang tidak penting seperti surat berantai dan terlibat dalam aktiviti menghantar spam dan menghasut serangan peribadi.
- vii. Melakukan aktiviti yang tidak produktif dan/atau bukan berkaitan perniagaan seperti bermain 'game', 'chatting' dan menulis blog.

b. Kemudahan Elektronik

Kemudahan elektronik adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer, telefon bimbit, mesin faks dan mesin fotokopi. Peralatan mudah alih yang diamanahkan kepada Kakitangan adalah hak milik pihak Kumpulan.

c. Kad ID/Akses dan Pakaian Seragam

Kad ID/akses, pakaian seragam atau lain-lain pakaian yang mempunyai nama dan/atau logo Kumpulan (jika ada) mencerminkan imej Kumpulan. Kakitangan mestilah memakai kad ID/akses tersebut seperti yang diperlukan dan dengan bertanggungjawab. Kakitangan tidak dibenarkan untuk mengubah atau merosakkan kad ID/akses atau membuat sebarang perubahan yang tidak dibenarkan kepada pakaian seragam.

d. Peralatan dan Kemudahan Pejabat

Perabot dan kelengkapan pejabat, ruang kerja, bilik rehat/bilik air, pantri, dan ruang solat yang disediakan hendaklah diguna oleh Kakitangan dengan tertib dan dijaga dengan baik. Lampu dan peralatan elektrik hendaklah dipadamkan selepas digunakan dan juga pada akhir waktu bekerja.

e. Kenderaan Syarikat

Kenderaan Syarikat hanya disediakan untuk kegunaan Kakitangan yang diberi kuasa dan untuk tujuan rasmi sahaja. Penggunaan peribadi adalah suatu keistimewaan dan bukan hak mutlak. Kakitangan dilarang membawa penumpang lain yang tidak dibenarkan dalam kenderaan Syarikat.

f. Dana Syarikat

Kakitangan yang bertanggungjawab mestilah mematuhi semua arahan tentang cara mengendalikan wang tunai, kad kredit dan lain-lain jenis dana. Kakitangan tidak dibenarkan menyalahgunakan kuasa mereka untuk mengguna, mengalih, atau melakukan sebarang transaksi dengan dana tersebut melainkan untuk tujuan yang dibenarkan sahaja. Semua transaksi hendaklah ditunjukkan di dalam rekod kewangan.

g. Masa Syarikat

Semasa di tempat kerja, Kakitangan dikehendaki menjalankan tugas dengan sepenuhnya dan menumpukan masa yang perlu untuk memenuhi tanggungjawab kerja dan tidak melakukan aktiviti peribadi. Kakitangan yang dikehendaki melaporkan waktu bekerja mereka hendaklah berbuat demikian dengan amanah dan tepat.

4.5 INTEGRITI KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Integriti kewangan dan perakaunan melambangkan profesionalisme korporat. Rekod dan laporan maklumat kewangan yang tepat dan jujur adalah penting kepada kredibiliti dan reputasi Syarikat. Pihak Kumpulan mewujudkan dan mengekalkan prosedur dan kawalan dalaman untuk memastikan laporan kewangan Kumpulan mempunyai integriti dan mematuhi undang-undang. Sila rujuk kepada Jabatan Kewangan Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan/atau Jabatan Kewangan berkaitan untuk polisi dan prosedur yang lengkap untuk memenuhi tanggungan kawalselia.

4.5.1 Kaedah Pengeluaran Dana dan Lain-lain Aset

Dana dan lain-lain aset Kumpulan hendaklah digunakan untuk tujuan yang sewajarnya dan tujuan perniagaan yang sah sahaja. Segala transaksi kewangan dan pengeluaran perlu diluluskan dan direkodkan. Pada setiap masa, pembayaran yang dibuat atau diterima hanya boleh digunakan bagi maksud yang dinyatakan dalam dokumen sokongan sahaja.

Untuk mengelakkan dari menanggung komitmen atau transaksi yang tidak sah, kuasa untuk bertindak bagi pihak Kumpulan hendaklah selaras dengan Tahap Kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang mana berkenaan. Semua perbelanjaan perlu diluluskan seperti dalam Tahap Kuasa dan mematuhi polisi kewangan/perakaunan Kumpulan.

4.5.2 Kaedah Penyimpanan Rekod dan Dokumentasi

Buku dan rekod Kumpulan mestilah mengandungi maklumat yang benar, lengkap, sempurna dan tepat. Adalah menjadi tanggungjawab Kakitangan untuk memastikan ketepatan rekod, buku kewangan dan transaksi akaun dan peristiwa yang berlaku dengan mematuhi kesemua kehendak prinsip perakaunan, piawaian dan kawalan dalaman. Untuk memastikan penyimpanan rekod dan dokumentasi yang betul, Kakitangan dilarang:

- a. Membuat atau membenarkan catatan dibuat pada mana-mana akaun, rekod atau dokumen dengan niat untuk memalsukan, mengelirukan, mengaburkan sifat sebenar transaksi atau had kuasa.
- b. Mengendahkan kewujudan data yang tidak tepat, palsu atau mengelirukan dan perlu membawa perkara ini kepada perhatian Pihak Kumpulan.
- c. Meminda, mengubah, atau merosakkan dokumen yang diserahkan oleh rakan perniagaan atau pelanggan.
- d. Melibatkan diri dalam sebarang urusan pemalsuan dalam apa jua cara sekalipun.

4.5.3 Penyimpanan Rekod dan Dokumen

Penyimpanan (dan pemusnahan) rekod dan dokumen mestilah memenuhi semua keperluan undang-undang dan polisi kewangan/perakaunan. Bagi tujuan cukai dan pengauditan, adalah penting untuk menyimpan rekod sebagai satu keperluan berkanun.

4.5.4 Amalan Perolehan

Perolehan barangan dan perkhidmatan hendaklah dijalankan mengikut polisi dan prosedur perolehan. Penganugerahan kontrak kepada vendor hendaklah dijalankan secara objektif selepas penilaian menyeluruh cadangan, status kewangan, profil dan prestasi serta kriteria-kriteria lain yang akan membantu unit perolehan dalam membuat keputusan yang objektif.

Perjanjian perolehan haruslah sewajarnya didokumentasi bagi mengenal pasti dengan jelas barangan dan perkhidmatan yang akan dibekalkan, asas bayaran pendapatan dan kadar atau bayaran yang bersesuaian. Jumlah bayaran mestilah setimpal dengan perkhidmatan atau barangan yang disediakan. Kakitangan yang terlibat dalam perolehan seperti itu atau bentuk yang lain mestilah mematuhi ciri-ciri amalan perolehan yang bijak seperti berikut:

- a. Semua penjual atau pembekal barangan atau perkhidmatan (vendor) dilayan sama rata dan telah dibekalkan dengan maklumat yang sama, pada masa yang sama.
- b. Memastikan tiada kebocoran maklumat semasa proses perolehan.
- c. Memastikan tiada sikap pilih kasih di kalangan vendor.
- d. Sesiapa yang berada dalam unit perolehan tidak boleh menjadi penandatanganan untuk sebarang cek atau bayaran yang disediakan untuk vendor.
- e. Memastikan perjanjian perolehan mempunyai lebih dari satu pembida, kerana persaingan di antara dua atau lebih vendor mungkin dapat merendahkan harga.
- f. Memastikan proses perolehan boleh diaudit, boleh dijustifikasi, dan boleh melepasi penelitian yang rapi.
- g. Bergantung kepada rekod prestasi vendor yang baik.
- h. Unit perolehan dan pengguna akhir mestilah menjalankan rundingan dengan vendor untuk memastikan keperluan dipenuhi.

Sebarang percanggahan kepentingan (atau berpotensi) melalui perhubungan atau persahabatan dengan orang dalam syarikat yang menyertai pembidaan untuk sebarang projek mestilah diisytihar secara bertulis kepada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan. Ini termasuk/meliputi Kakitangan yang mempunyai saudara-mara atau sahabat-handai yang bekerja dengan vendor.

4.5.5 Pengubahan Wang Haram

Kakitangan perlu berhati-hati supaya tidak terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram adalah proses mengubah hasil aktiviti yang tidak sah kepada hasil yang sah dalam bentuk wang atau aset lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

4.6 PENDEDAHAN BERKENAAN LEBIHAN PEMBAYARAN

Kakitangan bertanggungjawab untuk memaklumkan dan membayar balik kepada Kumpulan mana-mana lebihan pembayaran gaji, elaun, perbelanjaan, pembayaran balik, pampasan dan/atau faedah yang melebihi hak atau yang bukan kelayakan Kakitangan, sekiranya ada.

4.7 IMEJ AWAM

4.7.1 Penampilan Awam

- a. Kakitangan yang dijemput untuk membuat penampilan awam secara peribadi, sebagai contoh dijemput untuk menjadi penceramah jempunan/ ahli panel dalam mana-mana forum/acara awam, mengenai topik-topik yang berkaitan dengan kerja mereka, perlu mendapatkan kebenaran penglibatan mereka dan/atau kelulusan isi kandungan forum/acara daripada Pengurus/ pihak yang berkuasa dalam Kumpulan. Kakitangan hanya boleh membuat penampilan tersebut setelah mendapat kelulusan yang berkenaan.
- b. Kakitangan yang dijemput untuk membuat penampilan awam secara peribadi atau sebagai wakil Kumpulan perlu memastikan pemikiran dan tindakan mereka adalah tidak memudaratkan Kumpulan, serta tidak berkait atau mencemarkan imej dan kepentingan Kumpulan.

4.7.2 Media Komunikasi dan Kenyataan Awam

Kakitangan tidak boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan, secara bertulis atau lisan kepada media dan/atau orang awam (termasuk dalam apa-apa bentuk media elektronik) mengenai perkara-perkara berhubung dengan tugas Kakitangan atau kegiatan dan prestasi Kumpulan, melainkan jika kebenaran telah diperoleh terlebih dahulu daripada pihak yang berkaitan.

Apa-apa urusan dengan media perlu ditangani oleh atau dirujuk kepada pihak yang berkaitan bagi memastikan maklumat adalah tepat dan konsisten, dan komunikasi dan/atau maklum balas adalah profesional dan untuk mengelakkan salah tafsir atau salah faham.

4.8 KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN, SEKURITI DAN ALAM SEKITAR

4.8.1 Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Sekuriti

Pihak Kumpulan berusaha untuk menyediakan persekitaran yang selamat, sihat dan terjamin di mana tiada sesiapa akan terdedah kepada sebarang risiko. Dalam usaha untuk mencegah kemalangan, kecederaan dan bahaya pekerjaan, adalah menjadi polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan pihak Kumpulan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- a. Semua keputusan operasi yang memberi kesan kepada keselamatan, kesihatan pekerjaan dan sekuriti diberi keutamaan tertinggi, di mana ianya boleh menjejaskan perniagaan.
- b. Mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan dengan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan sekuriti dan mengamalkan piawaian sendiri yang bersesuaian.
- c. Menyediakan persekitaran yang selamat, sihat dan terjamin untuk Kakitangan.
- d. Mewujudkan kesedaran di kalangan Kakitangan dengan menekankan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan, kesihatan pekerjaan dan sekuriti supaya menjadikan ianya sebahagian penting dalam kehidupan mereka.

Adalah menjadi tanggungjawab semua Kakitangan untuk mematuhi semua arahan atau langkah berkenaan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan sekuriti yang diperkenalkan oleh pihak Kumpulan. Kakitangan mestilah memastikan bahawa mereka:

- a. Membiasakan diri dan mematuhi undang-undang dan piawaian, peraturan, polisi dan prosedur berkenaan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan sekuriti yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.
- b. Menghentikan sebarang kerja apabila keadaan menjadi tidak selamat.
- c. Mengetahui apa yang perlu dilakukan jika berlaku kecemasan di tempat kerja.
- d. Memastikan orang yang bekerja dengan mereka (rakan sekerja atau Pihak Luar) bertindak secara konsisten dengan polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan pihak Kumpulan.
- e. Melaporkan dengan segera kepada Pihak Pengurusan sebarang kemalangan, kecederaan, penyakit, keadaan tidak selamat atau tidak sihat, insiden, pertumpahan atau perlepasan bahan ke persekitaran (supaya langkah-langkah boleh diambil untuk membetulkan, mencegah atau mengawal keadaan dengan segera).
- f. Mendapatkan nasihat dan pertolongan jika Kakitangan tidak jelas dengan tanggungjawab atau mempunyai kebimbangan mengenai kejadian sebenar atau potensi pelanggaran undang-undang atau syarat-syarat keselamatan, kesihatan pekerjaan dan sekuriti.

4.8.2 Alam Sekitar

Pihak Kumpulan adalah komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar, dan akan meminimakan sebarang kerosakan kepada persekitaran yang timbul disebabkan oleh sebarang aktiviti Kumpulan. Kakitangan yang berkaitan mestilah menyimpan semua dokumentasi persekitaran yang diperlukan dengan tepat dan lengkap.

Untuk mematuhi sepenuhnya segala keperluan perundangan, Kakitangan mestilah sentiasa memastikan bahawa segala yang dilakukan adalah selamat dan tidak menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar. Semua Kakitangan mestilah menjalankan peranan masing-masing untuk memastikan Pihak Kumpulan memenuhi komitmen ini.

4.9 TATA LAKU AM

Semua Kakitangan hendaklah berkelakuan dengan penuh tanggungjawab, beretika, jujur dan berintegriti serta menghormati satu sama lain.

Apa-apa perbuatan salah laku yang dilakukan oleh Kakitangan yang boleh menjejaskan kepentingan Kumpulan adalah tidak diterima/dibiarkan.

Contoh-contoh perbuatan salah laku yang disenaraikan di bawah ini walau bagaimanapun adalah tidak menyeluruh dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa:

4.9.1 Penyalahgunaan dan/atau Penggunaan Tidak Sesuai Komputer/ Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)/Media Sosial

- a. Menyimpan atau menonton/melihat bahan yang tidak sesuai/wajar termasuk bahan lucah, tidak sopan atau menjelikkan, dengan menggunakan komputer dan komputer riba kepunyaan Syarikat atau yang dibekalkan oleh Syarikat.
- b. Memasang, menyambung dan/atau menggunakan apa jua jenis perkakasan dan perisian tanpa lesen dan kebenaran.
- c. Menggunakan akses komputer (kata laluan) secara tidak sah dan mendedahkan dan/atau membuka kata laluan kepada pihak yang tidak berkenaan.
- d. Mengakses data atau program tanpa kebenaran, membuat pengubahsuaian terhadap kandungan data atau program tanpa kebenaran dan mendedahkan dan/atau membuka data atau program kepada pihak yang tidak berkenaan.

- e. Menggunakan kemudahan dan perkhidmatan rangkaian secara penipuan.
- f. Lain-lain salah laku yang dinyatakan dalam Bahagian 4.4.2 (a) Kod.

4.9.2 Perlakuan Tidak Jujur dan Penipuan

- a. Memberikan maklumat palsu/mengelirukan atau menyembunyikan maklumat daripada Kumpulan sewaktu memohon Kakitangan dan/atau untuk mendapatkan jaminan Kakitangan dalam Kumpulan.
- b. Memberikan maklumat palsu/mengelirukan atau menyembunyikan maklumat daripada Kumpulan bagi tujuan mendapatkan keuntungan/faedah peribadi dan/atau yang menjejaskan Kumpulan.
- c. Memalsukan maklumat, dokumen dan/atau rekod.
- d. Memalsukan sijil cuti sakit.
- e. Membeli sijil cuti sakit.
- f. Berjumpa dengan doktor perubatan dengan helah untuk mendapatkan cuti sakit.
- g. Berpura-pura sakit.
- h. Mencuri, memalsukan atau menipu termasuk sebarang percubaan untuk melakukan perbuatan tersebut dalam hal-hal melibatkan perniagaan, dana dan/atau harta benda Kumpulan.
- i. Menggelap, menyalahguna atau menggunakan dana dan/atau harta benda Kumpulan tanpa kebenaran.
- j. Mencuri barang kepunyaan Kakitangan lain dan/atau harta benda di dalam premis Kumpulan.

4.9.3 Perbuatan Tidak Hormat dan Keingkaran

- a. Menunjukkan sikap tidak hormat terhadap mana-mana Kakitangan Kumpulan, termasuk rakan sekerja, Kakitangan bawahan dan/atau atasan.
- b. Mengingkari, membantah dan/atau enggan atau gagal untuk mematuhi mana-mana arahan yang tidak melanggar undang-undang atau munasabah daripada pegawai atasan Kumpulan.
- c. Mogok di tempat kerja atau menghasut Kakitangan lain untuk melancarkan mogok yang melanggar apa jua undang-undang atau peraturan yang dikuatkuasakan.

- d. Menghalang Kakitangan lain dari menjalankan tugas.
- e. Melibatkan diri dalam perhimpunan yang diadakan secara haram dan/atau tanpa kelulusan di dalam premis Kumpulan.
- f. Mengalihkan atau meminda apa-apa perkara pada papan buletin/ kenyataan tanpa kelulusan Kumpulan.
- g. Mengalihkan mana-mana harta benda Kumpulan dari premis syarikat tanpa kelulusan terlebih dahulu.
- h. Mengubah, memusnah atau merosakkan harta benda Kumpulan.
- i. Memasuki kawasan larangan tanpa mendapat kelulusan Kumpulan terlebih dahulu.
- j. Keengganan tanpa alasan yang munasabah untuk melakukan kerja lebih masa seperti yang diarahkan oleh Kumpulan.
- k. Melangkau saluran komunikasi Kumpulan secara sengaja.
- l. Mencabar Kumpulan untuk pemberhentian kerja.

4.9.4 Perbuatan Berunsur Keganasan, Kelakuan yang Tidak Sesuai dan Kesalahan Jenayah

- a. Merusuh atau melibatkan diri dalam kelakuan yang tidak terkawal di dalam premis Kumpulan atau kawasan sekitarnya pada bila-bila masa.
- b. Bergaduh di dalam premis Kumpulan atau kawasan sekitarnya pada bila-bila masa.
- c. Mengganggu Kakitangan lain, termasuk mengekori atau menghendap Kakitangan lain.
- d. Masalah berhutang wang yang serius contohnya hutang yang berlebihan dengan Kumpulan, Kakitangan lain dan/atau Pihak Luar.
- e. Menggunakan perkataan atau gaya badan yang menghina, mengaibkan dan/atau tidak sopan terhadap Kakitangan lain atau orang luar, di dalam premis Kumpulan atau kawasan sekitarnya pada bila-bila masa.
- f. Memfitnah, mengaibkan, menjejaskan reputasi atau menghina Kumpulan dan/atau mana-mana Kakitangan Kumpulan.
- g. Menyebarkan khabar angin dengan niat buruk berkenaan dengan Kumpulan dan/atau mana-mana Kakitangan Kumpulan.

- h. Melakukan apa jua jenis keganasan, penderaan, serangan (termasuk mengancam untuk menyerang atau mencederakan) ke atas Kakitangan lain dan/atau orang luar.
- i. Memiliki senjata api tanpa lesen atau lain-lain senjata berbahaya di dalam premis Kumpulan.
- j. Melakukan apa jua perbuatan sumbang dan/atau tidak bermoral di dalam premis Kumpulan.
- k. Melakukan perbuatan jenayah atau kegagalan untuk melaporkan perbuatan jenayah kepada Kumpulan, yang boleh memberi kesan terhadap prestasi kerja, menjejaskan reputasi atau memalukan Kumpulan.
- l. Disabitkan dan dipenjarakan kerana kesalahan jenayah.
- m. Pelaburan wang haram.
- n. Menjadi alku samada bertindak sebagai ejen pelacuran atau terlibat dalam apa-apa bentuk berkaitannya.
- o. Penglibatan atau membantu sebarang aktiviti yang akan menyebabkan Kakitangan diletakkan di bawah perintah undang-undang kediaman terhad ataupun dibuang negeri oleh pihak berkuasa.
- p. Sebarang perbuatan atau tindakan yang boleh menyebabkan perasaan takut, tertekan, cemas atau bimbang kepada Kakitangan lain.
- q. Sebarang perbuatan atau tindakan yang menjatuhkan nama Kumpulan dan/atau juga memalukan Kumpulan.

4.9.5 Alkohol, Dadah dan Perjudian

- a. Memiliki atau menyalahguna ubat-ubatan atau dadah narkotik yang dilarang dan/atau tidak disahkan.
- b. Minum minuman beralkohol di dalam premis Kumpulan dan/atau pada waktu kerja.
- c. Berada dalam keadaan mabuk, khayal atau di bawah pengaruh alkohol dan/atau dadah pada waktu kerja, di dalam premis Kumpulan dan/atau sewaktu menjalankan urusan Kumpulan.
- d. Menagih dadah.
- e. Mengedar dadah.

- f. Sebarang bentuk perjudian, termasuk membuat atau mengambil pertaruhan, bermain terup samada untuk wang tunai atau sebaliknya, di dalam premis Kumpulan pada bila-bila masa.
- g. Berjudi secara 'online' menggunakan komputer Kumpulan dan/atau di dalam premis Kumpulan pada bila-bila masa.

4.9.6 Penampilan

- a. Kegagalan untuk mematuhi panduan berpakaian atau dandanan Kumpulan, sama ada tersurat atau tersirat.
- b. Kegagalan atau keengganan untuk memakai pakaian seragam seperti yang diarahkan.
- c. Membuat perubahan kepada pakaian seragam tanpa kebenaran Kumpulan.

4.9.7 Pengendalian Urusan Perniagaan

- a. Menganjur, mengadakan atau melibatkan diri dalam sebarang perjumpaan yang tidak berkaitan dengan urusan Kumpulan dan/atau tidak berkaitan dengan Kakitangannya, di dalam premis Kumpulan tanpa mendapat kelulusan Kumpulan terlebih dahulu.
- b. Mengedar atau mempamerkan sebarang notis atau bahan bertulis yang tidak dibenarkan di premis Kumpulan tanpa mendapat kelulusan Kumpulan terlebih dahulu.
- c. Melibatkan diri dalam urusanniaga kewangan yang tidak dibenarkan dan/atau perniagaan persendirian di dalam premis Kumpulan.
- d. Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan peribadi.
- e. Menyalahgunakan atau menggunakan asset-aset dan harta benda Kumpulan tanpa kebenaran.
- f. Kegagalan untuk membayar wang kepunyaan Kumpulan.
- g. Membuat kenyataan umum berkenaan urusan dalaman Kumpulan tanpa kebenaran.
- h. Berhubung dengan pihak media berkenaan Kumpulan tanpa kebenaran.
- i. Mengakses data dan maklumat sulit Syarikat tanpa kebenaran.
- j. Memberi akses kepada pihak yang tidak mempunyai kebenaran/tidak berkenaan, data dan maklumat sulit Syarikat.
- k. Mendedahkan rahsia, hasil rekaan atau sebarang maklumat sulit Syarikat.

- l. Menerbit menyebarkan sebarang gambar, karikatur, penulisan, kenyataan, komen, artikel, buku, blog dan/atau lain-lain bahan dalam bentuk visual atau lain-lain yang boleh menjejaskan, memalukan, atau menyebabkan nama buruk kepada individu, jabatan dan/atau Kumpulan Syarikat di rangkaian laman sosial, blog dan/atau medium lain, bercetak atau elektronik.
- m. Kegagalan mematuhi Kod dan syarat-syarat Kakitangan dan/atau apa jua kod dan/atau peraturan yang berkaitan.

4.9.8 Percanggahan Kepentingan

- a. Meminta, menerima, menawarkan dan/atau menjanjikan apa jua imbuhan/rasuah sama ada dalam bentuk wang tunai, hadiah, bantuan atau sebagainya dari atau kepada kontraktor, pembekal, pengedar, pihak bank atau pelanggan Kumpulan.
- b. Membenarkan ahli keluarga untuk meminta, menerima, menawarkan dan/atau menjanjikan apa juga imbuhan/rasuah sama ada dalam bentuk wang tunai, hadiah, bantuan atau sebagainya dari atau kepada kontraktor, pembekal, pengedar, pihak bank atau pelanggan Kumpulan.
- c. Menerima dan/atau membayar komisen sebagai sebahagian daripada bentuk pembayaran hasil daripada urusniaga perdagangan selain daripada apa yang layak dan sah diterima.

4.9.9 Kelewatan, Ketidakhadiran dan Kedadatangan

- a. Kerap datang lewat ke tempat kerja.
- b. Tidak hadir tanpa cuti/kelulusan terlebih dahulu daripada Kumpulan dan/atau tanpa sebab munasabah.
- c. Tiada di tempat kerja pada waktu kerja dan/atau meninggalkan tempat kerja sebelum tamat waktu kerja atas sebab tidak rasmi tanpa mendapat kelulusan daripada Kumpulan terlebih dahulu.
- d. Melebihi had masa yang diberikan untuk waktu makan tengahari atau apa jua waktu rehat yang dibenarkan oleh Kumpulan.
- e. Melepak dan/atau merayau-rayau pada waktu kerja.
- f. Kegagalan atau keengganan untuk merekodkan waktu kedatangan (waktu masuk, waktu keluar dan apa jua pergerakan di antaranya, jika berkaitan).
- g. Menggunakan tanpa kebenaran atau menyalahgunakan kad pengenalan/akses, kad kedatangan (atau apa jua bentuk rekod kedatangan yang digunakan oleh Kumpulan), termasuk merekodkan kedatangan Kakitangan lain.

4.9.10 Keselamatan dan Kesihatan

- a. Kegagalan atau keengganan untuk mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan serta peraturan Kakitangan.
- b. Mengubah atau merosakkan peranti atau peralatan keselamatan Kumpulan atau yang seumpama dengannya.
- c. Kegagalan atau keengganan untuk memakai atau menggunakan peralatan keselamatan yang telah disediakan oleh Kumpulan.
- d. Kegagalan untuk menjaga perkakas, peralatan atau kemudahan lain yang dipertanggungjawabkan kepada Kakitangan.
- e. Kegagalan untuk melaporkan dengan segera kepada pegawai atasan dan/atau lain-lain Kakitangan yang diberi kuasa tentang kerosakan yang sampai ke pengetahuannya ke atas mana-mana peralatan yang berkaitan dengan Kakitangannya.
- f. Merokok di kawasan larangan.
- g. Keengganan atau kegagalan untuk mendapatkan rawatan yang disediakan oleh Kumpulan untuk apa jua jenis ketagihan dan/atau sebarang jenis penyakit atau kecederaan.
- h. Keengganan, kegagalan atau kelewatan yang disengajakan dalam melaporkan kepada Kumpulan penyakit berjangkit yang dihadapi.

4.9.11 Kesalahan Berunsur Seksual/Jantina/Kaum/Agama

- a. Tidak sensitif/peka, tidak bertolak ansur dan tidak hormat kepada orang lain termasuk yang berlainan jantina, lain-lain kaum dan/atau keperluan keagamaan yang lain.
- b. Serangan seksual terhadap Kakitangan lain dan/atau orang luar.
- c. Semua jenis gangguan seksual (melalui percakapan, gaya badan, paparan visual, tekanan psikologi dan sentuhan fizikal) terhadap Kakitangan lain dan/atau orang luar.
- d. Menghantar atau mengedar bahan lucah (seperti bahan pornografi, mesej lucah dsb).
- e. Menyimpan atau melihat bahan-bahan pornografi di dalam premis Syarikat (seperti gambar, video, laman web dsb).

- f. Membuat komen menghina berdasarkan ciri-ciri jantina, kaum atau agama.
- g. Membuat atau memanggil gelaran, celaan, atau jenaka yang menyakitkan hati dan tidak sesuai/wajar.

4.9.12 Prestasi Kerja

- a. Ketidaktekapan atau kelalaian yang berulang atau ketara dalam menjalankan tugas.
- b. Kegagalan atau keengganan untuk mematuhi prosedur/peraturan kerja.
- c. Kegagalan berulang untuk mematuhi piawai pengeluaran dan/atau penghasilan.

4.9.13 Lain-lain

- a. Tidur pada waktu kerja.
- b. Pembaziran harta benda, material dan sumber Kumpulan.
- c. Membenarkan orang yang tidak mempunyai kebenaran memasuki kawasan larangan tanpa kelulusan daripada Kumpulan terlebih dahulu.
- d. Melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak produktif dan/atau tidak berkenaan dengan pekerjaan pada waktu kerja.
- e. Membuat atau menerima panggilan telefon peribadi secara berlebihan menggunakan telefon Kumpulan dan/atau menggunakan telefon bimbit sendiri pada waktu kerja.
- f. Menyalahgunakan kunci dan kad pengenalan/pas Kakitangan lain atau membenarkan orang lain menggunakan kunci dan kad pengenalan/pas dirinya untuk memasuki premis Kumpulan.
- g. Berhenti bekerja sebelum tamat waktu bekerja rasmi.
- h. Menghasut atau membantu Kakitangan lain untuk melakukan mana-mana kesalahan yang telah disenaraikan.
- i. Kegagalan untuk memaklumkan Sumber Manusia berkaitan status muflis atau status insolvensi pada bila-bila masa semasa tempoh berkhidmat.

5 POLISI-POLISI LAIN

Berikut adalah polisi-polisi yang berkaitan dan boleh diperolehi daripada Sumber Manusia.

5.1 POLISI KHIDMATADU ATAU 'WHISTLEBLOWING'

Polisi Khidmatadu atau 'Whistleblowing' bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu sekiranya kepentingan Kumpulan berada di dalam risiko. Objektif utama polisi ini adalah untuk:

- a. Menyediakan landasan untuk Kakitangan melaporkan sebarang salah laku.
- b. Meyakinkan Kakitangan bahawa mereka akan terlindung dari sebarang balasan, diskriminasi atau penindasan sekiranya membuat laporan Khidmatadu dengan niat yang baik.
- c. Untuk menyediakan mekanisme formal bagi tindakan susulan ke atas laporan-laporan yang dibuat.

5.2 POLISI MEMBULI DI TEMPAT KERJA

Syarikat memandang perbuatan membuli di tempat kerja dengan serius dan kes-kes yang sah dan terbukti akan tertakluk kepada tindakan disiplin yang berkaitan. Semua pihak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sebarang bentuk perbuatan membuli di tempat kerja dicegah dengan cara:

- a. Memastikan bahawa Kakitangan menyedari dan mengetahui polisi tindakan serta tingkah laku yang menyumbang kepada perbuatan membuli dan memastikan bahawa mereka mematuhi polisi pada setiap masa.
- b. Memastikan Kakitangan di bawah penyeliaan, jika berkenaan, memahami polisi tindakan ini dan tingkah laku yang menyumbang kepada buli.
- c. Menerapkan kepimpinan melalui teladan dan memastikan bahawa perbuatan membuli tidak berlaku di tempat kerja.

5.3 POLISI GANGGUAN SEKSUAL

Pihak Kumpulan amat mementingkan keadaan fizikal, emosi dan kesejahteraan psikologi Kakitangan.

Pihak Kumpulan adalah komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi Kakitangan untuk memastikan bahawa mereka dilindungi daripada segala bentuk gangguan seksual. Perbuatan gangguan seksual jika dilakukan oleh Kakitangan akan dianggap sebagai salah laku yang boleh menyebabkan tindakan disiplin termasuk pembuangan kerja.

6 GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR KOD ETIKA DAN TATA LAKU

6.1 GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR DISIPLIN

Pihak Kumpulan berhak untuk mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya ke atas Kakitangan yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang Syarikat, polisi, prosedur dan amalan yang diterima pakai, samada secara tersurat atau tersirat.

Pihak Kumpulan adalah komited dalam memastikan sebarang tindakan disiplin yang diambil adalah selaras dengan amalan yang diterima pakai dan Undang-Undang Buruh yang berkaitan.

6.2 PROSEDUR ADUAN

Pihak Kumpulan adalah komited dalam memastikan bahawa aduan Kakitangan dikendalikan dan/atau diselesaikan dengan cara yang adil, saksama dan tepat pada masanya untuk mengekalkan hubungan yang harmoni.

Sehubungan itu, Kakitangan yang mempunyai aduan berkaitan dengan kerja pelu melaporkan aduan kepada pegawai atasan. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai atasan untuk mencuba dan menyelesaikan aduan di peringkat beliau dengan sewajarnya. Jika aduan tidak dapat diselesaikan dan/atau jika aduan itu melibatkan pegawai atasan itu sendiri, Kakitangan boleh membuat aduan kepada Sumber Manusia.

Segala usaha yang berpatutan akan dilakukan oleh Kumpulan untuk menyelesaikan sebarang rungutan atau aduan di peringkat yang paling rendah.

7 LAMPIRAN

7.1 SURAT IKRAR/AKUJANJI

7.2 BORANG PENGISYTIHARAN

Catatan: Lampiran adalah untuk rujukan sahaja. Salinan boleh diperolehi daripada Sumber Manusia.

7.1 SURAT IKRAR/AKUJANJI

Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca Buku Panduan Kod Etika dan Tata Laku Kumpulan. Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas utama saya untuk membaca dan memahami Kod, yang merupakan sebahagian penting daripada Terma dan Syarat Perkhidmatan saya.

Saya akan menjalankan tugas dan tanggungjawab saya dengan penuh integriti. Saya berikrar bahawa saya akan mematuhi Kod ini. Sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Kod ini atas apapun jua sebab, saya tidak akan memberikan alasan tidak tahu atau tidak faham sebagai alasan mempertahankan diri saya. Saya juga bersetuju bahawa Pihak Pengurusan mempunyai hak mutlak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sebarang pelanggaran Kod.

Saya memahami sepenuhnya bahawa Pihak Pengurusan mempunyai hak mutlak untuk menambah, meminda, menyemak/mengkaji semula atau memadam mana-mana isi Kod apabila dan jika perlu dan saya juga akan tertakluk kepada tambahan, pindaan, semakan/kajian semula dan/atau pemotongan tersebut.

Tandatangan

Nama Penuh (sila guna huruf besar)

Nombor Kad Pengenalan/Pasport

Jawatan

Jabatan & Syarikat

Tarikh

Sila kembalikan borang yang telah diisi kepada Ketua Sumber Manusia.*

** 7.1 Surat Ikrar/Akujanji (1 mukasurat)*

7.2 Borang Pengisytiharan (2 mukasurat)

**Untuk Rujukan
Sahaja**

7.2 BORANG PENGISYTIHARAN

Tujuan pengisytiharan di bawah ini adalah untuk memastikan bahawa tidak ada percanggahan kepentingan antara Kakitangan dan Syarikat. Sebarang perubahan status perlu dimaklumkan kepada Kumpulan dengan serta-merta.

A. Pemilikan Saham

Saya dengan ini mengisytiharkan/mengaku bahawa saya, atau ahli keluarga terdekat saya (sila tanda '✓' di mana yang berkenaan):

Bukan pemilik bermanfaat 5% atau lebih saham/sekuriti mana-mana syarikat awam atau swasta.

Adalah pemilik bermanfaat 5% atau lebih saham/sekuriti syarikat awam atau swasta berikut:

Nama Pemegang	Hubungan	Nama Syarikat Di mana Saham/ Sekuriti Dipegang	Jenis Perniagaan Syarikat	Peratus Pegangan

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya, dan ahli keluarga terdekat saya tidak akan memperoleh pemilikan bermanfaat sebanyak 5% atau lebih saham atau sekuriti mana-mana syarikat awam atau swasta, bermula dari tarikh pengisytiharan ini serta pada masa hadapan, tanpa kebenaran bertulis daripada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan.

Untuk Rujukan Sahaja

B. Kepentingan Lain

Sila tanda (✓) di mana yang berkenaan:

Saya tidak mempunyai apa-apa untuk diisytiharkan.

Saya mengisytiharkan kepentingan berikut:-

Perniagaan dan Pekerjaan <i>Perniagaan sampingan atau kepentingan pekerjaan yang lain.</i>	Nama Syarikat: _____ Alamat: _____ Jenis Perniagaan: _____
Perundingan <i>Syarikat atau individu yang mana perundingan dilakukan oleh saya.</i>	Nama Syarikat: _____ Alamat: _____ Jenis Perniagaan: _____ Kekerapan Jumlah Kerja: _____
Pengarah <i>Syarikat di mana anda adalah seorang Pengarah.</i>	Nama Syarikat: _____ Alamat: _____ Jenis Perniagaan: _____ Ganjaran: _____
Perkongsian <i>Syarikat di mana saya adalah rakan kongsi.</i>	Nama Syarikat: _____ Alamat: _____ Jenis Perniagaan: _____
Kepentingan lain yang berkaitan	

Saya dengan ini mengaku bahawa saya akan mendapatkan persetujuan bertulis daripada Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan sebelum memperoleh dan terlibat dengan mana-mana kepentingan seperti di jadual di atas.

Saya juga dengan ini mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan saya secara menyeluruh, maklumat yang didedahkan dalam borang ini adalah lengkap dan tepat berdasarkan Kod ini. Saya memahami bahawa mana-mana pengisytiharan atau maklumat palsu boleh mengakibatkan prosiding disiplin/tindakan diambil ke atas saya.

Tandatangan

Nama Penuh (sila guna huruf besar)

Nombor Kad Pengenalan/Pasport

Jawatan & Jabatan

Syarikat

Tarikh

Untuk Rujukan Sahaja

